

Syor globalisasi baru tumpu kemanusiaan

BH 27 FEB 2001

KUALA LUMPUR, Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyarankan globalisasi baru diwujudkan dalam orde baru dunia, yang lebih menekankan unsur kemanusiaan, bukan lagi dikuasai tamak haloba untuk mengaut keuntungan dengan mengeteipikan negara miskin.

Perdana Menteri menegaskan, sudah tiba masanya dunia mempunyai satu proses globalisasi baru yang bukan saja berusaha bagi memenuhi keperluan yang kaya-raya, tetapi bekerja lebih keras untuk membantu mereka yang miskin.

Katanya, globalisasi baru itu hendaklah benar-benar memberi ganjaran untuk keusahawanan dan kecemerlangan, turut menyumbang kepada order baru yang lebih adil, penyayang, murah hati, lemah-lembut dan belas kasihan.

Globalisasi baru juga mestilah tidak menolak tatasusila dan etika yang lebih besar; kebebasan dan kemerdekaan lebih luas; persamaan dan saling menghormati, demokrasi produktif yang lebih besar serta hak-hak manusia lebih lengkap.

“Apa yang saya maksudkan de-

ucaptama di Persidangan Antarabangsa Mengenai Globalisasi anjuran bersama Kementerian Kewangan dan Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa (Isis), di KL Hilton, di sini hari ini.

Kira-kira 600 peserta menyertai persidangan dua hari itu.

Antara yang membentangkan

● Negara Islam belum sedar cabaran globalisasi – Muka 2

● Perlindungan daripada kesan buruk perlu ada – Muka 15

ngan keadilan? Ia bukanlah satu perbezaan istimewa prinsip keramat dan bertamadun atau keistimewaan sementara kepada mereka yang lemah dan mudah dilukai... ini adalah lambang sistem global untuk sekian lama.

“Hari ini, apa yang kita minta ialah hak keadilan yang biasa,” katanya ketika menyampaikan

kertas kerja ialah bekas Naib Menteri Kewangan Jepun, Eisuke Sakakibara. Perdana Menteri kemudian berdialog dengan peserta selama kira-kira 40 minit mengenai isu globalisasi serta bagaimana negara-negara Islam berhadapan dengan globalisasi.

LIHAT MUKA 2

Agenda global mesti beri manfaat kepada masyarakat

DARI MUKA 1

Dr Mahathir berkata, pelampau (fundamentalis) pasaran dan ahli teologi globalisasi meninggikan konsep ‘siapa kuat dia berkuasa, kecekapan ekonomi, memaksimumkan keuntungan dan membuat duit’ sebagai asas paling penting dalam ‘agama’ mereka.

“Sudah terlalu kerap, ‘siapa kuat dia berkuasa’ bermakna ‘survival’ bagi mereka yang kurang ter-

agak-agak dan ia tidak bermakna ‘survival’ itu merupakan yang terbaik dan paling dihargai.

“Kita mesti membuang hegemoni intelektual teologi globalisasi itu. Sudah tiba masanya untuk mengutamakan masyarakat berbanding keuntungan bagi menjamin agar, dalam proses globalisasi, lebih ramai lagi mendapat manfaat daripada yang rugi,” katanya.

Perdana Menteri berkata, masanya sudah tiba untuk menentukan bahawa pembangunan dijadikan pusat agenda global sebagai matlamat utamanya.

“Sudah tiba masanya untuk kita memperbetul pemikiran, membezakan antara cara dan penyelesaian, menjamin semua orang faham bahawa liberalisasi perdagangan dan pelaburan, pemasaran dan daya saing, keseluruhan

agenda Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) adalah jalan ke arah penyelesaian muktamad pembangunan manusia,” katanya.

Beliau mengakui globalisasi baru dalam order dunia baru yang didokongnya adalah satu paradigma baru.

“Hakikat bahawa mereka menolak paradigma baru ini patut memperkuatkan usaha dan keyakinan kita,” tegasnya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir mengingatkan agar tidak timbul salah faham dengan menyifatkan beliau sebagai seorang yang mendokong pemansuhan sistem pasaran, menolak kapitalisme dan menentang globalisasi.

“Tolong, jangan silap. Saya tidak mendokong pemansuhan sistem pasaran. Saya tidak mendokong penolakan kapitalisme. Saya tidak mendokong

penentangan kepada globalisasi.

“Saya mesti mengaku iaitu saya percaya kepada sistem pasaran. Percaya kepada sistem kapitalis dan juga percaya kepada globalisasi. Anda lihat saja di sekeliling anda, kepada Malaysia hari ini,” katanya sambil menggariskan beberapa pencapaian Malaysia menerusi usaha ber-sungguh-sungguh dalam tempoh dua dekad lalu.